



## SPRM SABAH DAN KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH SERTA 14 AGENSI SELIAAN BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN MINGGU INTEGRITI KEMENTERIAN TAHUN 2023

**Kota Kinabalu, 18 Ogos 2023** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sabah bersama-sama Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOFS) dan 14 Jabatan, Badan Berkanun Negeri & GLC di bawah seliaan MOFS telah menjayakan Minggu Integriti Kementerian Tahun 2023 (MIK). Program yang diadakan selama seminggu (14hb hingga 18hb Ogos 2023) telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Mohd. Sofian Alfian Nair, Setiausaha Tetap MOFS. YBhg Datuk dalam ucapan perasmianya telah menegaskan keseriusan kerajaan dalam membanteras gejala rasuah dan pengukuhan integriti dikalangan penjawat awam. Justeru pelaksanaan MIK ini merupakan salah satu tindakan dalam usaha memerangi rasuah dan salah laku tadbir urus organisasi terutamanya berkaitan pengurusan perolehan.

“Integriti di hati” tema MIK pada kali ini adalah selaras dengan arahan YB Setiausaha Kerajaan Negeri dalam agenda pentadbirannya iaitu *“Humanise Service Delivery”*. Semasa pelancaran turut diadakan penyerahan Borang Isytihar Harta kepada YBhg Datuk sebagai simbolik **pematuhan Perisytiharan Harta Warga MOFS 100%** yang berjaya dilaksana.

Pelbagai pengisian program telah diadakan sepanjang MIK Tahun 2023 ini dan ianya telah dimulakan dengan **Ceramah Perdana** yang disampaikan oleh PKPj Alexander S. Kunghi, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Sabah yang bertajuk **“Bersama Membanteras Rasuah Perolehan”**. Ceramah dihadiri oleh 109 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam urusan proses perolehan dalam jabatan dan agensi masing-masing.

SPRM Sabah bersama-sama Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri turut diberi tanggungjawab sebagai Juri kepada tiga (3) pertandingan iaitu:

- i) Video Pendek “Integriti Di Hati”;
- ii) Poster Isytihar 100% Harta; dan
- iii) Model Pejabat Integriti (kategori Jabatan/Bahagian dan GLC).

Kriteria pertandingan antara lain ialah melihat kepada tahap pematuhan arahan-arahan yang dikeluarkan berkaitan Inisiatif Pengukuhan Integriti Di Tempat Kerja, Kreativiti hasil atau produk yang berkesan, serta Pelaksanaan Usaha Pembudayaan Integriti dan Anti Rasuah.





Seterusnya, Majlis Penutupan MIK telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Menteri Kewangan Sabah. Yang Berhormat dalam ucapannya telah mengatakan bahawa pelaksanaan MIK adalah satu medium untuk memperingatkan diri bahawa kemenjadian manusia asalnya berintegriti dan pilihan terletak di tangan masing-masing samada untuk memilih jalan yang lurus ataupun sebaliknya. Yang Berhormat turut memperingatkan bahawa kehadiran SPRM bukanlah sekadar menunjukkan komitmen malahan sebenarnya adalah menunjukkan tanggungjawab pencegahan rasuah terutamanya berkaitan dengan Perolehan. **Pungutan Hasil kerajaan yang kian bertambah dan sistem perolehan kerajaan yang telah ditambah baik adalah hasil kerjasama kedua-dua pihak MOFS dan SPRM Sabah.**

Turut diadakan ialah sesi Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang diketuai oleh Puan Siti Zubaidah, Pegawai Integriti MOFS dan sesi menandatangi IBR oleh YBhg Datuk Setiausaha Tetap bersama-sama Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan disaksikan oleh YBhg Datuk Karunanithy a/l Y.Subbiah, Pengarah SPRM Sabah.

Sejurus selepas majlis, Yang Berhormat telah membuat lawatan ke booth Pameran SPRM dan 10 agensi-agensi lain. **Bunting Informative QR Code SPRM** telah menarik perhatian Yang Berhormat serta menyatakan ianya amat cepat dan mudah untuk mendapatkan informasi anti rasuah dan sesuai untuk diletakkan di lobi atau ruang-ruang pejabat, ianya menarik dan inisiatif ini wajar dicontohi.

Aktiviti-aktiviti lain yang turut diadakan sepanjang MIK MOFS ialah Kempen Menderma Darah dan Fit Integriti. Kesemua aktiviti telah dijayakan bersama-sama 14 jabatan dan agensi iaitu Jabatan Bendahari, Perbadanan Pinjaman Sabah, Borneo Development Corporation (S) Sdn Bhd, Progressive Insurance Berhad, Tabin Wildlife Holding Sdn Bhd, Sabah Air Aviation Sdn Bhd, Sabah Development Berhad, Desa Group Sdn Bhd, Qhazanah Sabah Berhad, Sabah Mineral Management Sdn Bhd, Saham Sabah Berhad, SMJ Sdn Bhd, Warisan Jayamakmur Sdn Bhd, dan Suria Capital Holdings Berhad.

